

# Selamat menyambut Maal Hijrah 1435H



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

UB 6-11-13 64

SELAMAT menyambut Maal Hijrah ke 1435 hijrah kepada semua masyarakat Malaysia. Bertepatan dengan tema pada tahun ini 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah', maka marilah kita semua sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, memegang pelbagai kepercayaan namun sebolehnya Islam adalah agama rasmi negara harus dihormati oleh semua agama.

Sewajarnya semua kaum dan agama menghormati antara satu sama lain dan juga akur kepada perlembagaan negara. Dalam mengejar kemajuan dan peningkatan ekonomi negara haruslah melihat di mana bumi dipijak supaya langit yang dijunjung juga tidak bocor. Pepatah orang dulu-dulu juga amat bertepatan supaya

setiap orang selagi bergelar insan harus bersedia untuk bertoleransi antara satu sama lain. Sekiranya pendapat yang dikemukakan tidak mendapat sokongan ramai, maka dalam konteks demokrasi ia wajar dihormati dan pemberi pendapat juga perlu akur bahawa ideanya kurang membuka selera kepada pihak yang lain. Justeru itu mungkin tidak bersesuaian pada waktu itu namun mungkin sesuai dalam situasi yang lain.

Justeru itu sekiranya tidak relevan dengan keadaan semasa maka seharusnya ia tidak boleh menimbulkan isu yang sensitif dan melobi untuk diterima ideanya. Keadaan itu akan menimbulkan keadaan yang panas dan maka terjadilah senario berpuak-puak dalam masyarakat apatah lagi dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi. Maka akan terjadilah pilih kasih malah akan timbul penyalahgunaan kuasa

dalam perlantikan, pengurusan dan sebagainya.

Lantaran itu, sekiranya semua genap lapisan menyedari kekuatan istilah wasatiyyah itu maka akan berlaku kesederhanaan dalam setiap perkara dan saksama dalam segenap bidang yang diamanahkan. Terutamanya sebagai penjawat awam yang tertakluk di bawah bidang eksekutif kerajaan dan pemegang amanah yang melaksanakannya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam harus menyedari bahawa setiap pelantikan dan kenaikan pangkat, tatatertib, elaun-elaun yang layak dan sebagainya haruslah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Awam.

Keakuran kepada prosedur yang ditetapkan akan melancarkan pentadbiran dalam perkhidmatan awam serta penyalahgunaan kuasa tidak

akan berleluasa dan negara berdaulat juga akan terpelihara. Keadaan itu amat perlu kerana ketamakan terhadap kuasa dan wang ringgit pada suatu ketika dulu telah memberikan impak yang serius pada masa kini sebagai contohnya kebanjiran warga asing di mana sahaja di dalam negara, perkahwinan dengan pendatang asing yang menyebabkan anak-anak sukar untuk mendapatkan sijil kelahiran dan kad pengenalan, pengambilan pekerja pendatang tanpa izin dalam pelbagai sektor terutamanya dalam pekerjaan pengawal keselamatan, kad pengenalan palsu dan sebagainya seharusnya diambil perhatian yang serius bermula daripada individu, masyarakat, pihak berkuasa dan pemimpin negara.

Dengan kesedaran semua pihak maka negara Malaysia mampu memelihara kedaulatan, namun sekiranya semua pihak seharusnya tidak memandang

enteng tentang kemasukan pendatang tanpa izin. Malahan tidak sanggup menerima mereka sebagai pasangan hidup, menggaji mereka untuk bekerja dan memberi ruang yang luas untuk mereka berleluasa. Namun sebaliknya sekiranya anda memandang remeh perkara itu maka suatu hari nanti mereka tidak dapat dibezakan antara warganegara dengan bukan malahan mereka lebih berjaya dalam hidup kerana sifat survival dalam diri mereka lebih tinggi berbanding penduduk asal yang menjadi warganegara Malaysia.

Justeru itu sebelum terlewat berfikirilah dengan bijak dan gunakan sedikit kecerdikan supaya tidak terdorong untuk menjual maruah negara kepada pihak yang bukan sepatutnya. Latih diri dan minda supaya tidak mudah terdorong untuk melakukan sebarang kerosakan kepada diri, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian

semuanya bermula dari hati, sekiranya ada kejujuran dan keikhlasan maka akan lahirlah sikap wasatiyyah sebagai tonggak perpaduan ummah walau di mana sahaja anda berada.

Justeru itu sebagai warganegara Malaysia yang berdaulat bersatulah dan binalah sikap wasatiyyah yang jitu untuk perpaduan dan kedaulatan negara. Pinggirkanlah sikap perkauman, kenegerian dan sebagainya. Perbezaan adat resam dan budaya bukan satu halangan untuk memajukan anak bangsa Malaysia. Maka semua orang berhak untuk menjaga kedaulatan negara dan bagi pengkhianat bangsa, agama dan negara juga wajar untuk mendapat balasan yang setimpal. Justeru itu pilihlah yang mana satu anda mahu?

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS